

ISU TERKINI PENDIDIKAN ISLAM DI ERA PANDEMIK COVID 19 DI MALAYSIA

**Maimun Aqsha Lubis*

draqsha@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Sham bin Kamis

mohdsham856@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Sohaina binti Mohd Salleh

sohaina76@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar

Zunidar, MPd.

zunidar@uinsu.ac.id

Universitas Islam Negeri (UIN), Sumatera Utara Medan

Dr. Usiono, MA.

usiono@uinsu.ac.id

Universitas Islam Negeri (UIN), Sumatera Utara Medan

Eka Yusnaldi, M.Pd.

ekayusnaldi@uinsu.ac.id

Universitas Islam Negeri (UIN), Sumatera Utara Medan

Siti Hajar binti Taib

aza790219@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Ikwan Lubis SE, MM

ikwanlubissem@gmail.com

Universitas Budi Darma, Sumatera Utara Indonesia

**Corresponding author*

ABSTRAK

Pendidikan telah berubah dari masa ke semasa terutama dalam era pandemic Covid-19 ini. Persoalan kajian dalam artikel ini berfokus kepada isu terkini pendidikan Islam di Era pandemik. Pendidikan Islam dari sudut Falsafah Pendidikan merupakan keperluan dalam institut pendidikan yang mempunyai pelajar beragama Islam khasnya. Kemajuan dan perubahan pendidikan Islam di

Malaysia berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Metodologi kajian ini adalah berbentuk kepustakaan dan pemerhatian secara terlibat. Artikel ini bertujuan untuk; (i) mengenalpasti pendidikan Islam dari sudut falsafah Pendidikan, (ii) mengenalpasti pendekatan amalan pendidikan secara amnya di era pandemik (iii) mengenalpasti pendekatan amalan pengajaran Pendidikan Islam di era pandemik Covid-19 di Malaysia. Pendidikan Islam di Malaysia di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersedia dengan kehadiran isu dan cabaran dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dengan berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang kini memasuki gelombang ke tiga. Pelan pembangunan yang disediakan ini jelas bagi pengajaran dan pembelajaran terutama dalam strategi pengajaran berpusatkan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatan guru terutama dalam pengajaran pendidikan Islam. Adapun pendekatan dan strategi pendidikan dalam era pandemik ini menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang berasaskan teknologi dan disampaikan secara optimum. Ini membawa kepada pendekatan amalan pengajaran dalam Pdp pendidikan Islam dalam era pandemik secara maksimum. Hasil kajian mendapati cabaran pandemik memberi implikasi terhadap guru terutama guru pendidikan Islam dalam mengharungi Pdpr sebagaimana dirancang serta sentiasa bersedia meningkatkan kemahiran teknologi dalam pengajaran secara kreatif dan inovatif.

Kata kunci: Pendidikan Islam; falsafah pendidikan, era Pandemik Covid-19; pendekatan amalan pendidikan secara amnya; pendekatan amalan pengajaran Pendidikan Islam di era pandemik Covid-19

CURRENT ISSUE OF ISLAMIC EDUCATION IN THE COVID-19 PANDEMIC ERA IN MALAYSIA

ABSTRACT

Nowadays, education has changed due to the Covid-19 pandemic era. The research question in this article focuses on the latest issue of Islamic education in the Pandemic Era. In relation to the present study, Islamic education from the philosophy of education as a prerequisite in educational institutes for the Muslim. The development and changes of Islamic education in Malaysia have been guided by the National Education Philosophy, Islamic Education Philosophy, and the Malaysian Education Development Plan (PPPM). In order to gather genuine data, the library research and observation were provided. This article guided by these three research questions such as the following; (i) identifying Islamic education from the point of education philosophy, (ii) identifying the approach of educational practices in general in the pandemic era (iii) identifying the approach of Islamic education teaching practice in the pandemic era of Covid 19 in Malaysia. Islamic Education in Malaysia under the auspices of the Ministry of Education Malaysia (MOE) is prepared with the presence of issues and challenges from time to time following the Malaysian Education Development Plan (PPPM 2013-2025) which is now entering the third wave. The development plan provided is clear for teaching and

learning especially in student- centred teaching strategies as opposed to conventional strategies or teacher-centred especially in teaching Islamic education. The approach of education strategy in the pandemic era focuses on teaching and learning in the 21st century based on technology delivered optimally. The result of the study is facing a challenge of strategic and maximum practice approach in the PdP of Islamic Education in the pandemic era. The findings found that pandemic challenges have implications for teachers especially Islamic education teachers in facing PdPR as planned always prepared to improve technology skills in teaching creatively and innovatively.

Keywords: Islamic Education; the philosophy of education, the era of the Covid 19 pandemic; approach of education practice in general; approach of Islamic Education teaching practice in the pandemic covid-19 era

PENDAHULUAN

Munculnya coronavirus di seluruh dunia telah mempengaruhi secara dramatik semua aspek kehidupan seharian dan menyebabkan institusi pengajian tinggi bergerak ke arah pembelajaran jarak jauh. Pada 6 Mac 2020, University of Washington menjadi universiti pertama yang membatalkan kelas secara langsung (Thomason, 2020). Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menetapkan Covid-19 sebagai wabak global. Sebagai tindak balas kepada situasi ini dan data lain, institusi pendidikan tinggi menutup universiti mereka dan mengumumkan mandat untuk beralih ke pendidikan hanya dalam talian untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pelajar, staf, dan fakulti. Program belajar di luar negeri, acara universiti, sukan, upacara graduasi, dan perhimpunan besar lainnya dibatalkan kerana masyarakat umum disarankan untuk berlindung di tempat dan membatas atau menghadkan hubungan dengan individu di luar rumah mereka. Pelajar perlu menyesuaikan diri untuk bertindak pantas terhadap situasi sebegini dengan bersiap untuk belajar cara baru iaitu belajar jarak jauh (Ghebreyesus, 2020).

Adalah wajar bagi pendidik untuk menegaskan garis panduan tingkah laku *mahmudah* untuk membantu memastikan persekitaran pembelajaran maya yang kondusif untuk semua pelajar. Contohnya, penggunaan penghinaan antara kaum dan ucapan tidak baik, cacian, kata-kata yang berbentuk nista dalam bilik darjah maya harus ditangani secara serius. Tetapi penting juga bagi para pendidik untuk memahami tekanan unik yang dihadapi oleh para pelajar ketika mereka berusaha untuk belajar di tengah pandemik global yang secara tidak langsung memberi kesan kepada minoriti dan kekurangan yang sudah ada. Pelajar yang sama yang cenderung dijangkiti wabak Covid 19, pelajar ini paling cenderung menghadapi trauma yang disebabkan oleh peristiwa seperti kehilangan pekerjaan ibu bapa atau penyakit atau kematian satu-satunya orang yang disayangi (Loewenberg, 2020).

Oleh kerana terkesan dengan wabak Covid-19 yang melanda, pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan untuk kesinambungan *ummah*. Walaupun pembelajaran masa kini

lebih tertumpu kepada pembelajaran atas talian, pendidikan yang merupakan tarbiah pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar amat perlu agar mereka menghargai fleksibiliti yang Allah kurniakan seperti pembelajaran kondusif atas talian. Mereka juga wajib bertanggungjawab untuk belajar dan berdisiplin diri dalam pembelajaran atas talian ni. Pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian boleh digunakan seperti *Whatsapp*, *Google Classroom*, *Zoom*, *Webex*, *YouTube* dan sebagainya (Mohd Salleh, 2020). Menurut Ahmad Najmi (2017), menyuarakan pendapat beliau bahawa walaupun pendidikan begitu mudah dipelajari, pelajar-pelajar harus mengerti bahawa kefahaman pendidikan yang berteraskan Islam adalah berkonsepkan kepada pendidikan iman, moral dan budi pekerti yang tinggi. Ahmad Najmi (2017) juga menyatakan bahawa konsep ini seiring seperti yang disebutkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalakankan bagi mencapai tujuan seperti yang berikut:

1. Mengenalpasti pendidikan Islam dari sudut Falsafah Pendidikan
2. Mengenalpasti Pendekatan amalan pendidikan secara amnya di era pandemik
3. Mengenalpasti pendekatan amalan pengajaran pendidikan Islam di era pandemik Covid-19 di Malaysia

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Media sosial juga medan sumber pencarian bahan. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji.

PENDIDIKAN ISLAM DARI SUDUT FALSAFAH PENDIDIKAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada mulanya adalah proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi. Idea penggubalan FPK telah dicetus selepas laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. FPK yang pada asalnya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal berlandaskan tiga ideologi:

- i) Rukun Negara
- ii) Dasar Ekonomi Baru (RMK 3, 1976-1980)
- iii) Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999).

FPK menjadi asas kepada pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dengan berfokuskan kepada kepentingan individu, masyarakat dan Negara bagi menzahirkan wawasan pendidikan negara (KPM, 2018). Berdasarkan kepada pernyataan FPK dalam hala tuju sistem pendidikan di Malaysia, FPK berfokus kepada penekanan potensi

individu secara bersepada dan menyeluruh iaitu melahirkan insan yang baik berdasarkan kepercayaan, keyakinan dan kepatuhan kepada tuhan. Ini bermakna, FPK berhasrat melahirkan insan yang berpegang teguh pada agama (Saharia, 2015). Situasi sebegini menunjukkan bahawa Pendidikan di Malaysia menerapkan pendidikan yang bercirikan tauhid yang membentuk peribadi manusia.

Salah satu asas penting dalam pembentukan peribadi manusia yang diberi perhatian oleh Islam adalah pendidikan. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud : Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang Islam lelaki atau perempuan” (Hadis daripada Anas bin Malik, riwayat Ibn. Majjah). Kenyataan ini menjelaskan Islam menggalakkan seluruh umatnya merebut peluang untuk mendapatkan pendidikan atau ilmu pengetahuan tanpa mengikut taraf kehidupan miskin atau kaya, lelaki atau perempuan, tuan atau hamba. Falsafah pendidikan Islam merupakan gabungan tiga perkataan iaitu falsafah, pendidikan dan Islam yang memberi makna falsafah pendidikan yang berteraskan roh Islam atau falsafah Islam untuk pendidikan dan disebut Khairulnazrin Nasir et.al (2020) sebagai Falsafah Pendidikan Islam. Dengan falsafah pendidikan Islam bermaksud menyediakan manusia dengan pengalaman dan ilmu yang cukup dalam mengenal diri bagi melunaskan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah dengan baik. Pemfokusan Falsafah Pendidikan Islam tertumpu kepada pendidikan akidah, ibadah, akhlak, akal, rohani, jasmani, keterampilan, kemasyarakatan dan kepimpinan yang membawa kepada modal insan yang soleh.


Hakikatnya, dengan kewujudan insan soleh ditengah masyarakat yang kian lumpuh dek gejala-gejala penyakit akhlak sosial. Insan soleh yang berdakwah ini bagaikan rahmat yang diperlukan terutamanya bertindak seperti ejen penawar yang merupakan vaksin dalam membentuk atau menerapkan elemen kerohanian bermula dari komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya dikalangan remaja (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2019). Dakwah lebih cenderung kepada perbuatan seruan itu dijawab oleh golongan yang disasarkan, dakwah juga bererti panggilan keimanan melalui apa yang diterima daripada Rasul-Rasul, mengikuti apa yang dikhabarkan, dan memberikan ketaatan apa yang diperintah dan apa yang dilarang (Abdul Halim Mahmud, 1990).

Secara *dharuri*, keperluan seperti pendidikan teramat penting bagaikan permata yang amat bernilai. Oleh yang demikian, keperluan tersebut perlu dilentur dari awal didikan insan yang lahir dari *tarbiah* tersebut agar dapat mengenal tanggungjawab yang dianugerahkan daripada ilahi. Pendidikan Islam memberi erti tanggungjawab yang besar dalam dakwah mendidik dan membentuk manusia dalam mengenal tuhan. Malah, dengan pendidikan manusia mengenal ketauhidan yang begitu tinggi dalam memikul tugas dan tanggungjawab sebagai *Thalabul Ilmi* yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk berdakwah melauli pendidikan mengenal akidah yang unggul (Mohammad Muslih, 2016).

Dakwah yang membuatkan hasil, ialah dakwah yang menunjukkan ciri-ciri ajakan atau seruan ke arah penerimaan, penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Output dakwah dapat diterjemahkan melalui pengajaran dan didikan yang sistematik sesuai dengan panduan yang telah digariskan dalam Al-Quran supaya dakwah disampaikan dan disebarluaskan secara hikmah dan teratur (Noor Azaian et al, 2017). Dakwah membawa gagasan yang berkonseptkan ketuhanan. Konsep ini berhubungan dengan ketuhanan yang bersumber kepada Al-quran dan Al-Hadits. Konsep Pendidikan Islam lebih bersifat pendidikannya yang begitu syumul. Syumul yang

memiliki seluruh aspek kehidupan. Seterusnya, Pendidikan Islam akan lebih sempurna kerena *frequency* yang membawa gelombang Islam yang merupakan sumber utama iaitu bertunjangkan Al-Quran dan Al-Sunnah (Muhsinah Ibrahim, 2013). Pendidikan di Malaysia, begitu bermakna kerana membentuk insan rabbani (Saharia, 2015). Oleh itu, Pendidikan Islam direalisasikan dengan tujuan untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Islam yang *syumul*. Apalah ertinya seorang yang berjaya dan berpendidikan tinggi tanpa ketauhidan kepada Allah? Walhal, pendidikan yang diterimanya membawa beliau jauh dari mengenal tuhan (Ilias, Mohd & Jasmi, Kamarul Azmi, 2011).

Pendidikan Islam dibina berpandukan Falsafah Pendidikan Islam. Menurut Emie Sylviana Binti Mohd Zahid (2019), terbina dari tiga konsep iaitu Ketuhanan (Allah), Alam dan manusia. Konsep ketuhanan (Allah) iaitu *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* yang bermaksud penyerahan diri kepada Allah. Penyataan konsep alam merupakan simbol kekuasaan Allah dan bukti kewujudan Allah melalui pemerhatian akan ciptaan yang memberi manfaat kepada manusia. Konsep kemanusiaan pula merupakan sebahagian daripada alam yang dicipta bagi memberi manfaat kepada manusia lain dengan menjadi khalifah mengurus segala sumber yang diperolehi untuk berbakti dan berkhidmat sebagai hamba Allah. Menurut konsep ini Wan Mariana Wan Mohamad (2020), terdapat hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam atau *nature*.



Rajah 1: Hubungan antara konsep ketuhanan. Konsep alam dan konsep kumanusiaan.

Pendidikan Islam di Malaysia telah dilaksanakan bermula sebelum merdeka iaitu mulanya bertapak Islam di Melaka sekitar abad ke 14. Ketika itu sistem pendidikan Islam menggunakan sistem yang tidak formal. Pendidikan Islam terus diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, berdasarkan Laporan Rahman Talib, kerajaan menguatkuasakan satu akta iaitu kewajipan memberikan pendidikan Islam kepada murid-murid beragama Islam di setiap sekolah yang mempunyai murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih. Pendidikan Islam di Malaysia dilaksanakan berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam yang dibina berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan Islam merupakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia dipertingkat dari masa ke semasa mengikut perubahan kurikulum pendidikan Negara. Selepas Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), bahagian pendidikan menggubal Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Kurikulum ini bertahan selama 10 tahun, kemudian diberi penjenamaan baru atas dasar semakan semula. Setelah dibentangkan pada tahun 1990, dalam Seminar Kebangsaan Pelaksanaan KBSR telah dipersetujui untuk nama baru. Pada tahun 1993 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan dengan tiga tunjang iaitu komunikasi, perkembangan diri individu dan manusia dengan alam sekelilingnya. Pada tahun 2003, KBSR dan KBSM disemak semula dan digubal kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. KSSR dilaksanakan sepenuhnya pada 2011, manakala KSSM dilaksanakan pada tahun 2017.

Pendidikan Islam di Malaysia di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersedia dengan kehadiran isu dan cabaran dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dengan berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang kini memasuki gelombang ke tiga. Pelan pembangunan yang disediakan ini jelas bagi pengajaran dan pembelajaran terutama dalam strategi pengajaran berpusatkan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatkan guru terutama dalam pengajaran pendidikan Islam.

PENDEKATAN AMALAN PENDIDIKAN SECARA AMNYA DI ERA PANDEMIK

Penularan virus Covid-19 di Malaysia yang tersebar luas menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semenjak Fasa 1 oleh kerajaan Malaysia bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu sehingga kini. Ini menyebabkan pelbagai sektor ekonomi termasuk pendidikan terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa. Perlaksanaan PKP ini memberi impak terhadap penutupan institut pendidikan di Malaysia seperti sekolah dan universiti. Ia dilaksanakan demi mencegah penularan jangkitan Covid-19 dalam warga pelajar dan pendidik. Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) telah menggariskan bahawa setiap murid berhak mendapat pendidikan yang terbaik bagi membantu mereka mencapai potensi diri. Penularan virus Covid-19 di Malaysia sedikit sebanyak mengubah corak PdP untuk memberi peluang kepada murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) meskipun tidak hadir ke sekolah. Ini bertepatan dengan KPM (2016) yang menjelaskan murid perlu mendapat pendidikan yang berterusan dengan pengisian yang berfaedah. Selain itu memastikan semangat dan momentum murid dikekalkan agar murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Perubahan corak PdP daripada pembelajaran secara dua hala dan bersemuka kepada Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR).

Berdasarkan surat ‘Pemakluman Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah’ yang diedarkan pada 8 November 2020 kepada semua Pengarah Pendidikan, jabatan Pendidikan Negeri, guru yang mengajar diwaktu era pandemik Covid-19 diwajibkan berada di rumah. Proses PdPR ini perlu dilaksanakan di rumah atau di pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian mengikut keadaan semasa dengan berstruktur dan terancang. Perlaksanaan PdPR yang ditetapkan oleh pihak KPM ini mempunyai tiga pendekatan iaitu secara talian atau luar talian atau off-site. Guru boleh melaksanakan Pdpr dengan memilih satu daripada pendekatan tersebut.

PdPR secara talian, melibatkan akses capaian internet dan penggunaan peranti berskrin seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar dalam tempoh tertentu yang ditetapkan. Kaedah ini membolehkan murid belajar secara real time. Beberapa aplikasi yang dicadangkan dalam melaksanakan PdPR antaranya melalui pelantar pembelajaran seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgoottube, EduWebTV. Penggunaan aplikasi seperti Google Meet (GM), Zoom, atau Microsoft Teams secara (live streaming) turut digalakkan dalam penyampaian Pdp. Selain itu, ePermainan (gamification), video, klip audio, eBuku, rakaman tugas dalam talian melalui aplikasi seperti Jamboard juga digunakan sebagai pengukuhan. Kaedah PdPR melalui talian ini berpandukan tempoh layar maksimum penggunaan peranti mengikut umur berdasarkan sumber daripada www.eyepromise.com dengan merujuk kepada The American Academy of Pediatrics (AAP) dengan World Health Organization (WHO) serta mengambil kira pandangan dan pendapat ibubapa seperti berikut:

TAHAP PERSEKOLAHAN	TEMPOH MASA LAYAR PERANTI
Prasekolah	1 jam
Rendah	1-2 jam
Menengah	2-3 jam
Menengah Atas	3-4 jam

Jadual 1 : Tempoh masa layar peranti mengikut tahap persekolahan

Masyarakat Malaysia mempunyai perbezaan taraf hidup dan ekonomi. Oleh demikian, PdPR secara luar talian juga dilaksanakan agar peluang pembelajaran dapat dicapai sama rata. Ini

dilihat daripada kekurangan peranti dalam sesebuah keluarga terutama keluarga yang mempunyai bilangan yang ramai dan berpendapatan sederhana atau rendah. Kaedah Pdpr luar talian dilaksanakan tanpa capaian internet. Pembelajaran berlaku dengan menggunakan buku teks atau bahan pembelajaran lain. Kaedah penyampaian PdPR melalui medium komunikasi yang sesuai seperti Whataaps atau Telegram dengan cara guru memuat turun bahan-bahan Pdp dalam bentuk video, slide, audio, nota serta latihan ke dalam medium komunikasi tersebut. Pendekatan ini membolehkan murid mendapat pembelajaran secara penggiliran peranti. Menurut KPM (2016) bagi memastikan semangat dan momentum dikenalkan, perlaksanaan PdPR secara Off-site juga dilaksanakan bagi keluarga yang tidak berkemampuan menyediakan akses atau peranti bagi sesi PdPR. Pendekatan ini dilaksanakan di rumah atau di sekolah atau tempat yang sesuai. Guru akan menyampaikan bahan pembelajaran seperti nota atau latihan secara dari rumah ke rumah atau meletakan di dalam kotak yang disediakan (dropbox) di kawasan sekolah. Pendekatan ini membolehkan ibubapa atau penjaga boleh mengambil bahan dan mengembalikan kepada guru. Untuk memastikan norma baharu dalam pendidikan diterima dan membolehkan murid belajar secara optimum, kaedah pembelajaran PdPR dalam tempoh pandemik dibina menggunakan 2 kaedah iaitu pembelajaran berdasarkan modul dan pembelajaran berdasarkan projek.

PdPR BERASASKAN MODUL

Perlaksanaan PdPR yang ditetapkan oleh KPM sepanjang tempoh pandemik berdasarkan modul diperkenalkan. Ia merupakan panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang bagi membolehkan murid mengikuti PdPR secara optimum. Pembinaan modul PdPR ini perlu dibuat bagi memastikan ia relevan dengan perkembangan teknologi digital semasa supaya kualiti pembelajaran walaupun dibuat di rumah dapat ditambah baik (Berita Harian,2021). Kandungan modul mengandungi sasaran murid samada prasekolah atau rendah atau menengah. Penyataan mengenai tajuk atau tema, objektif pembelajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), tempoh pelaksanaan, nota yang berkaitan dengan tajuk atau tema. Selain itu, aktiviti yang relevan dengan tajuk Pdp atau aktiviti perlu disertakan. Modul pembelajaran yang lengkap perlu diedarkan kepada murid berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

PdPR BERASASKAN PROJEK

Kaedah PdP berasaskan projek diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2016. Menurut Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 2016), kaedah ini bertujuan menggalakkan inovasi dengan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdP. Seiring dengan pembelajaran abad ke-21 dan kemahiran yang digariskan oleh KPM kaedah ini merupakan pembelajaran berpusatkan murid dengan melatih kemahiran bagi meningkatkan pengetahuan. Menurut kajian Nor Izzati Binti Mahd Nor (2019), kaedah berasaskan projek merupakan kaedah pembelajaran yang sistematis melibatkan pengetahuan dan kemahiran menerusi proses penerokaan berstruktur yang memfokuskan kepada permasalahan dan reka bentuk produk dengan teliti.

Penggunaan kaedah berasaskan projek akan membantu murid memberikan idea-idea konseptual serta kemahiran yang sukar dicapai melalui kaedah lain. Menurut Norharyati Mohsin (2021), kaedah berasaskan projek dapat memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, terdedah dengan senario pekerjaan sebenar, mempelajari kemahiran intra dan interpersonal serta pelajar bebas menyiapkan tugas walau terikat dengan jangka masa dan skop tertentu yang ditetapkan oleh guru. Menurut dapatan Laporan Pelaksanaan Projek Rintis Project Based Learning (2007), mendapati kaedah berasaskan projek memberi banyak manfaat kepada pelajar antaranya memberi pengalaman dan kemahiran baru dipelajari disamping perasaan seronok dan kepuasan semasa dan selepas melaksanakan projek yang diberikan.

PENDEKATAN APLIKASI DIGITAL DALAM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Perbincangan dalam bahagian ini lebih memfokuskan kepada pendekatan aplikasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia dalam tempoh pandemik virus Covid-19. Aplikasi pendekatan digital yang diperaktikkan dibahagikan kepada Aplikasi pendekatan digital seperti *blended learning* (pembelajaran teradun), *Flipped Classroom*, *Google Classroom*, Portal DELIMa (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) KPM.

1. Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*)

Pembelajaran dalam suasana pandemic Covid-19 wujud daripada proses pengintegrasian antara teknologi dan pembelajaran yang menghasilkan kepada pendekatan pembelajaran bersepada. Pendekatan ini merupakan gabungan antara pendekatan bersemuka dan atas talian/teknologi sebagai medium perantaraan utama pembelajaran. Menurut Ahmad Zaki Amiruddin et.al.(2020), penggabungjalinan pendekatan yang wujud dalam persekitaran pembelajaran merupakan satu strategi instruksional yang dikenali sebagai pembelajaran teradun. Menurut kajian Singh (2003), Wong, Tatnall, & Burgess (2014) dan Shivam & Singh (2015), juga bersetuju bahawa Pembelajaran Teradun merupakan gabungan yang efektif bagi kaedah penyampaian yang diperkayakan dengan persekitaran pembelajaran dan berfungsi untuk menyokong gaya pembelajaran kendiri pelajar.

2. Flipped Classroom

Dalam menghadapi suasana pandemik yang menyukarkan pergerakan, pengajaran dan pembelajaran turut berubah kepada lebih efisen dan optimum. Selain *blended learning*, pendekatan *Flipped Classroom* turut menjadi pilihan. Menurut Siti Hajar Halili & Zamzami Zainuddin (2015), *Flipped Classroom* adalah mempunyai hubung kait yang selari dengan pembangunan teknologi dari satu zaman ke zaman yang lain. Ini dinyatakan melalui kajian Wahindah Suhari (2015), *Flipped Classroom* merupakan antara pedagogi yang kian mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Pendekatan ini menurut Missildine, Fountain, Summers dan Gosselin (2013), mula diperkenalkan pada tahun 90-an di sekolah rendah dan menengah yang menegaskan pembelajaran berpusatkan murid, iaitu guru memainkan peranan sebagai fasilitator yang membimbing murid. Manakala murid menggunakan sumber internet seperti audio dan video untuk kandungan pembelajaran tertentu di rumah sebagai tugas, dan menumpukan masa kepada interaksi dan perbincangan antara guru dan murid untuk menyelesaikan tugas dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Menurut Brent (2013), *Flipped Classroom* merupakan teknik terkini dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk baharu. Selain itu, strategi ini mengurangkan jumlah arahan dan memaksimumkan interaksi antara guru dan murid dalam dalam sesi perbincangan dan pertembangan serta disokong dengan sumber yang diakses melalui talian. Ini disokong oleh Kathleen Fulton (2012) dalam dapatan kajian Wahindah Suhari (2015) menyatakan bahawa model *Flipped Classroom* membenarkan murid untuk belajar pada kadar kecerdasan mereka sendiri.

3. Google Classroom

Pihak Google telah membangunkan satu aplikasi percuma untuk kegunaan pendidikan pada tahun 2014 sebagai pemudahcara bagi pendidik merancang, melaksana dan mentaksir tugas secara paperless. Menurut (Alejandra, Christopher, Javier & Juan, 2017; Andri, 2016; Ken, Chris & Gay, 2016; Joko & Kartono, 2019; Sambit, 2020), Google Classroom ini juga menggalakkan proses pengkongsian bahan-bahan pembelajaran kepada murid-murid melalui persekitaran atas talian. *Google Classroom* juga merupakan platform gabungan aplikasi-aplikasi Google itu sendiri sebagaimana menurut kajian (Mohd Amin Embi, 2013; Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff, Wan Norma Wan Hamat & Nor Khayati Basir, 2019; Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2019), bahawa *Google Classroom* berfungsi sebagai rangkaian sosial, sebagai alat perkongsian bahan, sebagai papan pembelajaran interaktif, sebagai penyimpanan data dan sebagai penyediaan latihan pengukuhan seperti *Quizizz*, *Kahoot*, *Quizlet*, *Plickers*, *Ed-Puzzle* dan sebagainya. Aplikasi-aplikasi di dalam *Google Classroom* mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam menyokong perlaksanaan pemebelajaran abad ke-21 yang membantu murid membentuk kemahiran hidup dan kerjaya untuk bersaing pada peringkat global.(Kementerian Pendidikan Malaysia, [KPM], 2014, 2015; Partnership for 21st Century Skills, 2009; PPK, 2018).

4. Portal DELIMa KPM

Portal DELIMa merupakan singkatan kepada *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* yang dibina pada 15 Jun 2020 merupakan penjenamaan semula bagi platform MOE Digital Learning yang dibangunkan oleh KPM pasca Frog VLE.DELIMa. Ia merupakan satu platform tunggal menyediakan perkhidmatan sistem pengurusan pembelajaran serta sumber-sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh para pelajar, di mana ia boleh diakses menggunakan akaun Google sedia ada. Menurut Microsof Malaysia (2020) pelancaran portal DELIMa oleh Ybrs. Dr. Habibah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. menerusi webinar Malaysia Towards Digital Learning in the New Normal. Platform DELIMa masih menggunakan halaman *Google Sites* sebagai tapak paling asas bagi pembinaan platform pembelajaran maya ini. Para pendidik dan pelajar boleh mengakses platform DELIMa menggunakan e-mel MOE Digital Learning (DL) yang telah dibekalkan oleh penyelaras ICT di sekolah sebelum ini. Guru dan murid perlu melayari laman portal <http://sites.google.com/moe.edu.my/login/login> dan memasukkan ID dan kata laluan yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah serta memilih paparan pelajar atau guru atau sekolah. Portal DELIMa KPM mempunyai pelbagai fungsi dan aplikasi yang menarik antaranya Digital Textbook, Microsoft Office 365 (Word, Excel, Power Point etc) merupakan aplikasi percuma untuk semua murid/guru, Canva, Padlet, Wolfram Alpha, Semua Google services – Earth, Translate dan sebagainya, MINECRAFT EDUCATION EDITION.

AMALAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM ERA PANDEMIK COVID-19

Dengan keadaan yang begitu membimbangkan di waktu wabak Covid-19, amalan pengajaran pendidikan telah beralih arah kepada sumber yang bercirikan penggunaan teknologi pintar bagi melakukan aktiviti pengajaran persekolahan. Senario pendidikan di era pandemik Covid-19 telah meningkatkan keperluan untuk menggunakan media baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk menjadi pengguna teknologi media baru yang baik, umat Islam harus mengadaptasi prinsip-prinsip yang menjuruskan kepada pengetahuan dan bimbingan dari sumber-sumber pengetahuan yang hakiki seperti Al-Quran dan Hadis untuk mengelakkan diri daripada menjadi pengguna media baru yang menyimpang dari arah kebenaran. Dalam membina masyarakat muslim yang berpendidikan, sebagai guru sudah pasti sifat *mahmudah* untuk mengemukakan pengajaran dalam perspektif Islam dari segi etika penggunaan media baru dalam pendidikan semasa covid-19. Keperluan seperti ini perlu dianalisis dengan merujuk kepada sumber utama iaitu Al-Quran dan Hadiths (Juritah Misman et al., 2021).

Pembelajaran dalam talian adalah alternatif untuk kesinambungan pengajaran di seluruh dunia. Ianya membawa kepada transformasi pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian adalah juga dikenali sebagai pembelajaran jarak jauh, tidak memerlukan kehadiran fizikal dan memerlukan talian internet untuk melaksanakannya. Pembelajaran ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Pertama: *Synchronous*, yang menunjukkan bahawa pembelajaran berlaku secara

langsung seperti belajar di bilik darjah fizikal. Perbezaannya adalah bahawa pembelajaran ini berlaku dalam talian. Murid dan guru dapat berinteraksi semasa pembelajaran sedang berlangsung. Kedua: *Asynchronous*, yang cara pembelajaran yang tidak berlaku dengan serentak dan segera. Pembelajaran ini adalah fleksibel, di mana guru memberikan pembelajaran bahan, dan pelajar dapat memperoleh pembelajaran bahan dan melengkapannya tepat pada waktunya (Dhawan, 2020; Jan 2020; Wiwin Hartanto, 2016).

Pelbagai strategi pengajaran yang menjadi amalan dalam pendidikan Islam dalam tempoh pandemik virus Covid-19. Ini bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan walau pelbagai cabaran dan rintangan. Menurut kajian Nurul Khadijah binti Mohamad et.al (2020), kelas pengajian al-Quran sepanjang PKP dijalankan menggunakan pelbagai aplikasi atas talian antaranya *Whatsapp*, *Telegram*, *Zoom*, *Google Meet*, *Youtube*, *Facebook*, *Instagram* dan *MsTeams*.

Pembelajaran Tajwid atas talian juga dijelaskan dalam kajian Anuar bin Hasin et.al., (2020) di mana penggunaan aplikasi Zoom dan Microsoft Team menjadi pilihan pelajar kerana merasakan lebih dekat dengan guru. Kaedah ini juga membantu pembelajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Walaubagaimanapun kejayaan *talaqqi* secara online sangat bergantung kepada kelajuan internet, kejelasan gambar. Kelajuan internet sangat penting untuk memastikan komunikasi di antara guru dan murid berjalan lancar. Menurut dapatan kajian Fadzliyah Hashim et.al (2020), guru pendidik Islam lebih selesa menggunakan aplikasi yang disarankan oleh pihak KPM antaranya *WhatsApp*, *Google Classroom*, *Youtube* dan *Google Meet* dalam Pdp atas talian. Manakala platform lain seperti *Gmail*, *padlet*, *Edmodo*, *Quizizz* dan *Wordwall* jarang digunakan.

Di era pandemik seperti situasi sebegini juga memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran orang kurang upaya (OKU). Dalam pendidikan, golongan ini tidak akan diketepian dalam mencapai pembelajaran berterusan dan optimum. Menurut Azman Ab Rahman (2021), penggunaan platform serta medium *Information and Communications Technology* (ICT) sebagai pengantara. Bagi menarik minat pelajar, aplikasi *Telegram* dan permainan *Kahoot* digunakan. Selain itu, teknik *Visual*, *Auditory*, and *Kinaesthetic Approach* (VAK Approach) dan alat sokongan seperti *Picture Exchange Communication System* (PECS). Bagi memastikan pemahaman pelajar ini, kaedah lain turut digunakan dengan menggunakan aplikasi *Whataap*, kiriman audio, kiriman video dan panggilan telefon supaya keberlangsungan dan keberkesanan PdPR atas talian dapat dicapai sepanjang PKP.

KESIMPULAN

Melihat kepada penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia amnya, ia memberikan sesuatu hikmah disebalik. Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) membawa kepada transformasi terutama dalam dunia pendidikan di Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran atas talian menjadi pilihan demi memberikan khidmat didik yang terbaik. Proses ini guru perlu kekal semangat dalam usaha mendidik dan menangani masalah atau kekangan yang wujud dalam proses Pdp atau Pdpr abad ke-21. Dalam masa yang sama, guru perlu meningkatkan dan melengkapkan diri dengan kemahiran dan keupayaan mereka untuk mendidik seiring dengan

kemajuan teknologi. Keterbezaan dalam diri murid menjadi cabaran kepada guru dalam melaksanakan Pdp. Ini merupakan keperluan guru mengambil kira keperluan dan kepelbagaiannya murid supaya pencapaian dan tahap penguasaan murid dapat dicapai dengan baik. Jelas dengan strategi, usaha dan tenaga yang luar biasa diberikan oleh guru dalam memberikan khidmat terbaik kepada murid sepanjang tempoh PKP. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sewaktu Covid-19 menunjukkan setiap individu muslim perlu untuk menuntut ilmu walaupun dalam keadaan sekeliling yang dilanda era pandemik seperti ini. Keadaan seperti inilah menduga dan menguji sikap murid-murid muslim, adakah mereka bertepatan dengan garis panduan yang telah digariskan oleh Islam dalam menuntut ilmu? Ternyata sifat mahmudah seorang penuntut ilmu perlu ada dalam mengharung kehidupan sebagai seorang mukmin yang berintegriti.

RUJUKAN

- Ahmad Zaki Amiruddin et.al.2020.Kesediaan Pelajar Generasi Z Di Universiti Malaysia Kelantan Dalam Pembelajaran Teradun Bahasa Arab Era IR 4.0. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities VOL. 22 (1) 2020: 86-95*
- Ain Nur Atika Agus (2021). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021): 75-87
- Andrew Emparan et.al . (2020). Flipped Classroom: Penggunaan dan Pelaksanaan Di Malaysia dari Tahun 2014-2019 (Analisis META).International Social Science and Humanities Journal.
- Anuar bin Hasin et.al .(2020). Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian Di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. www.oarep.usim.edu.my
- Azman Ab Rahman et.al (2021),Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia (Pandemic COVID-19: Challenges of Teaching and Learning (PdP) Islamic Education in Special Education for Students with Learning Disabilities in Malaysia) , *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 5 June 2021, no. e-ISSN 2590-3799
- Berita Harian -https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/06/825358/modul_menyeluruh-pdpr-elak-murid-tercicir
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of Covid-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22.<https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Emie Sylviana Binti Mohd Zahid . 2019. *Pembangunan Spiritual : Konsep Dan Pendekatan Dari Perspektif Islam*. e-Jurnal of Islamic Thought and Understanding Volume 2 (2019)
- Fadzliyah Hashim.(2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Taian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and*

- Human Sciences. Volume 3, Issue 4, 2020: 151-162 © The Author(s) 2020 e-ISSN: 2600-9080*
- Ghebreyesus, A. (2020). WHO Director-General's Opening Remarks at the Media Briefing on COVID-19-11 March 2020. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Ilias, Mohd & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama. 1-15.
- Johnson, Graham Brent. (2013). Student Perceptions of the Flipped Classroom. Columbia. The University of British Columbia
- Juritah Misman, Muhammad Taufik Md Sharipp, S. Salahudin Suyurno, Nik Narimah Nik Abdullah, Chairozila Mohd. Shamsudin. (2021). Education during Covid-19: Islamic perspectives on ethics for new media users for teachers and students. *Journal of Language and Linguistic Studies. ISSN 1305-578X (Online)*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/4183-skpmg2-2018>
- Khairulnazrin Nasir et.al . (2020). Roh Manusia Menurut Perspektif Agama, Falsafah dan Laporan Pelaksanaan Projek Rintis Project-Based Learning Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah. (2007). Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM
- Loewenberg, A. (2020). School Discipline in the Age of COVID-19 <https://www.newamerica.org/education-policy/edcentral/school-discipline-age-covid-19/>
- Microsoft Malaysia , 2020 , <https://news.microsoft.com/en-my/2020/06/15/kementerian-pendidikan-lancar-pelantar-pendidikan-digital-baharu-dengan-kerjasama-google-microsoft-dan-apple/>
- Missildine, K., Fountain, R., Summers, L., & Gosselin, K. (2013). Flipping the classroom to improve student performance and satisfaction. *Journal of Nursing Education*. Retrieved from [https://www.healio.com/nursing/journals/jne/2013-10-52-10/%7Bfaa085a3-27be-4037-a63c-c87dc32391ba%7D/flipping-the-classroom-to-improve-studentperformance-and-satisfaction?version=1 on 15.06.2016.](https://www.healio.com/nursing/journals/jne/2013-10-52-10/%7Bfaa085a3-27be-4037-a63c-c87dc32391ba%7D/flipping-the-classroom-to-improve-student-performance-and-satisfaction?version=1 on 15.06.2016.)
- Mohamed Amin Embi & Ebrahim Panah (2014). Overview of Flipped Learning. Centre For Teaching & Learning Technologies. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi, Supyan Hussin & Ebrahim Panah. (2014). Flipped Learning readiness among graduate and postgraduate students in UKM. In Mohamed Amin Embi (Ed.), Blended & flipped learning: Case studies in Malaysian HEIs. (pp. 311-315), Centre for Teaching & Learning Technologies, Universiti Kebangsaan Malaysia & Department of Higher Education, Ministry of Education Malaysia.
- Mohamed Amin Embi. (2013). Web 2.0 Interactive Tools: A Quick Guide. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohammad Muslih. (2016). Pendidikan Islam Dalam Kepungan. *Jurnal At-Ta'dib. Vol. 11, No. 2, Desember 2016*
- Mohd Azli Yeop et.al. (2016). Pembelajaran Teradun:Satu Tinjauan Literatur Terhadap Faktor-faktor Penerimaan Guru Melalui Model-model Penerimaan. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education Vol. 6, No. 1, June 2016, 67-85*

- Mohd Rohiman Subri et.al. (2021). Pelaksanaan pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika pandemic COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 12 Edisi Khas, 2021 / ISSN 1823-6812 (21-32) 21*
- Mohd Salleh, Nor. (2020). Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONAVIRUS_COVID19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUATUKEPERLUAN_DI_MALAYSIA
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi.(2020).Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education (JICTIE) ISSN 2289-7844 / Vol. 7 / Issue 2 / 2020 / 14-26 14*
- Muhsinah Ibrahim. (2013). Dakwah Ditinjau Menurut Konsep Pendidikan Islam Dan Teori Barat. *Jurnal Mudarrisuna (Media Kajian Pendidikan Agama Islam)*. <https://jurnal.araniriy.ac.id/index.php/mudarrisuna/article/view/275>
- Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017). Cabaran Dakwah Islam Di Alam Siber. eBangi - Special Articles. *Journal of Social Sciences and Humanities. 005 ISSN: 1823-884x*
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh, Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2019).
- Nor Izzati Binti Mahd Nor. (2019). Kaedah Berasaskan Projek Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid II, 2019 (ISSN 2636-9885)*
- Nor Izzati Binti Mahd Nor. (2019). Kaedah Berasaskan Projek Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid II, 2019 (ISSN 2636-9885)*
- Norharyati Mohsin, Siti Hajar Halili, Rafiza Abdul Razak. (2021). Persepsi Penglibatan Pelajar Dalam Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berbalik Secara Mobile. *Jurnal Kurikulum Pengajaran Asia Pasifik April 2021, Bil. 9, Isu 2*
- Nur Hazirah Hairia'an et.al (2020).Pengajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue), Vol. 9, 2020 (18-28) (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X)* <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Nurul Khadijah binti Mohamad et.al. (2020).Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. www.oarep.usim.edu.my
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). 2018. Kementerian Pendidikan
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) Pendidikan Pra-Sekolah hingga Lepas Menengah, (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal research in Islamic Studies. Vol. 6, Special Issue (2019): 87-98.*

- Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, 16 Mac 2020.
- Saharia Hj. Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* ISSN: 1985-7012 Vol. 8 No. 2
- Shivam, R., & Singh, S. (2015). Implementation of Pembelajaran Teradun in Classroom : A. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 5(11), 369–372.
- Singh, H. (2003). Building Effective Pembelajaran Teradun Programs. *Educational Technology*, 43(6), 51–54. <http://doi.org/10.1021/es2033229>
- Siti Hajar Halili & Zamzami Zainuddin. (2015). Flipping The Classroom: What We Know and What We Don't. *The Online Journal of Distance and e-Learning. Volume 3, Issue 1*.
- Surat Siaran KPM Bilangan 8 tahun 2016, Garis panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana
- Thomason, A. (2020). *University of Washington Cancels In-Person Classes, Becoming First Major U.S. Institution to Do So Amid Coronavirus Fears*. <https://www.chronicle.com/article/u-of-washington-cancels-in-person-classes-becoming-first-major-u-s-institution-to-do-so-amid-coronavirus-fears/> Vol. 3, No. 4 (2020) E-ISSN: 2637-0271
- Wahindah Suhari, Wan Alfida Suleiman & Zuraidah Saidin. (2015). Flipped Classroom dalam Pengajaran Karangan. Seminar Bahasa Melayu. 77-85
- Wan Mariana Wan Mohamad , Kamarul Shukri Mat Teh, Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2020). Model Interaksi dengan Allah dan Alam Berasaskan al-Quran dalam Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Islam. *JQSS –Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 4 (2) December 2020, no. e-ISSN 2590-3799
- Wayne, J. (2012). Effective Learning - Pembelajaran Teradun and Virtual Learning Environment. Retrieved from <http://www.selfgrowth.com/articles/effective-learning-blended-learning-and-virtual-learning-environment>
- Wiwin Hartanto. (2016). Penggunaan E-Learning sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*, 10(1), 1–18. <https://doi.org/ISSN 2548-7175>